



Analisis *Hiyal* Dalam Produk Deposit Berasaskan Kontrak *Tawarruq* di Perbankan Islam Malaysia

***Hiyal* Analysis in Deposit Product based on *Tawarruq* Contract in Malaysian Islamic Banking**

Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli^a & Mohammad Taqiuddin Mohamad^b

^a Pelajar Pascasiswazah (Jabatan Syariah dan ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 50603, Malaysia)

^b Pensyarah Kanan (Jabatan Syariah dan ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 50603, Malaysia)

* Corresponding author, email; izzulsyahmi95@gmail.com

ABSTRACT

Hiyal is defined as the ability of someone to seek solution to some difficulties and to achieve certain goals. Currently, hiyal is applied widely especially in muamalat activity related to Syariah law. For example, in offering Islamic banking product, tawarruq contract that is claimed as one form of hiyal is applied in Islamic banking product. However, the use of tawarruq contract is still debated among Muslim scholars. The difference is clearly seen through resolution issued by organization related to Islamic finance. For instance, the organization Majma' al-Fiqh al-Islami does not allow tawarruq al-munazzam contract to be applied in banking product, meanwhile Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institutions (AAOIFI) allow it. Therefore, this study analyse the elements of hiyal contained in deposit products based on tawarruq in Islamic banking. To achieve the objective, researchers utilised the library research by referring to related literature. The qualitative data were subsequently analyse using content analysis method descriptively. Research finding implies that there are several Syariah issues concerning hiyal in pre-arrangement practice, dual-agency, commodities and customer deposit holding by Islamic banking institutions before tawarruq transaction is done. Hence, industry player in the Islamic Banking sector should direct the attention to these issues in order to preserve the reputation of Syariah-based banking.

Keywords: Legal Trick, Commodity Murabahah, Syariah Risk, Maqasid Syariah, Makharij.

ABSTRAK

Hiyal diertikan sebagai keupayaan seseorang mencari jalan bagi mengatasi sesuatu kesukaran dan mencapai matlamat tertentu. Mutakhir ini, *hiyal* diguna pakai secara meluas terutama dalam aktiviti muamalat yang terkait dengan hukum Syarak. Sebagai contoh, dalam penawaran produk perbankan Islam, kontrak *tawarruq* yang didakwa sebagai satu bentuk *hiyal* diguna pakai dalam produk-produk perbankan Islam. Walaubagaimanapun, penggunaan kontrak *tawarruq* masih lagi diperdebatkan dalam kalangan sarjana Muslim. Perbezaan tersebut jelas

dilihat melalui resolusi yang dikeluarkan badan dan organisasi yang terkait dengan kewangan Islam. Umpamanya organisasi *Majma' al-Fiqh al-Islami* tidak membenarkan kontrak tawarruq al-munazzam diaplikasi dalam produk perbankan, sebaliknya *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institutions* (AAOIFI) membenarkannya. Sehubungan itu, kajian ini menganalisis elemen *hiyal* yang terdapat dalam produk deposit yang berasaskan tawarruq dalam perbankan Islam. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji menggunakan kajian kepustakaan dengan merujuk literatur yang berkaitan. Data kualitatif tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa isu Syariah berkaitan *hiyal* dalam amalan pengaturan awal, *dual-agency*, komoditi dan pemegangan deposit pelanggan oleh institusi perbankan Islam sebelum transaksi tawarruq dilakukan. Justeru, pihak industri dalam sektor perbankan Islam perlu memberi perhatian terhadap isu-isu tersebut agar reputasi perbankan yang berteraskan Syariah terpelihara.

Kata Kunci: Helah, Komoditi Murabahah, Risiko Syariah, Maqasid Syariah, Makharij.

Pendahuluan

Fuqaha berbeza pandangan dalam menetapkan hukum *hiyal* dalam aplikasi kewangan Islam. Umumnya, fuqaha Hanafi dan Shafi'i mengharuskan aplikasi *hiyal* dalam kewangan Islam, sebaliknya fuqaha Hanbali dan Maliki tidak mengharuskannya.¹ Namun begitu, berasaskan inovasi produk dan keperluan masyarakat muslim di Malaysia, aplikasi elemen *hiyal* dalam produk kewangan Islam diperlukan bagi memastikan kemandirian sistem kewangan Islam terjaga.² Sehubungan itu, berlaku ketidakselarasan di antara teori fuqaha klasik dengan amalan perbankan Islam Malaysia.³

Situasi ini dapat dilihat melalui kontrak tawarruq.⁴ Sebahagian sarjana mendakwa kontrak ini merupakan satu bentuk helah bagi menghalalkan riba. Namun berdasarkan resolusi MPS BNM, kontrak ini diharuskan dan boleh diaplikasi melalui produk-produk kewangan Islam.⁵ Sehingga kini, produk berasaskan kontrak tawarruq mendapat sambutan baik dalam penawaran produk-produk institusi perbankan. Hal ini disebabkan oleh yang berteraskan jual beli seperti tawarruq dibenarkan jaminan modal, kecairan tunai dan keuntungan dilakukan. Berbanding dengan kontrak perkongsian, umpamanya kontrak *mudharabah* dan *musyarakah* yang hanya mampu menjamin kecairan tunai dan keuntungan, tetapi tidak dibenarkan memberi jaminan

¹ Mohamed Fairouz et. al, "Hiyal Dan Makharij: Ke Arah Ketelusan di dalam Operasi Perbankan Islam" (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Putrajaya, 10-11 November 2010).

² Abdulazeem Abozaid, "The Internal Challenges Facing Islamic Finance Industry," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 9(2), (2017), 190-195.

³ Ahmad A. Alkhamees, *A Critique of creative Sharia'ah Compliance in the Islamic Finance Industry*, (Belgium: Martinus Nijhoff Publishers, 2017), 11.

⁴ Mohamed Fairouz et. al, "Hiyal Dan Makharij: Ke Arah Ketelusan di dalam Operasi Perbankan Islam" (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Putrajaya, 10-11 November 2010)

⁵ Nur Yuhani "Legality of Tawarruq in Islamic Finance," *Tazkia Islamic Finance and Business Review* 7(1), (2012) 81-108.

modal. Malah, kontrak tawarruq mampu memberikan jumlah keuntungan yang tetap dan boleh diketahui sebelum kontrak dimulakan.⁶

Namun begitu, melalui aplikasinya yang meluas dalam produk institusi perbankan Islam di Malaysia, timbul beberapa isu *hiyal* menerusi aplikasi dan penstrukturannya. Umpamanya isu pengaturan awal, komoditi, agensi dan pelaburan jangka pendek. Kesemua isu ini perlu diberi perhatian yang mendalam agar keyakinan terhadap sistem kewangan yang berasaskan Syariah terpelihara.

Definisi *Hiyal*

Dalam pentakrifan *hiyal*, terdapat tiga pola definisi yang telah diberikan fuqaha. Definisi tersebut merangkumi definisi yang cenderung kepada konsep *hiyal* yang diharuskan (*mashru'ah*), *hiyal* yang tidak diharuskan (*ghayr mashru'ah*), dan definisi *hiyal* yang umum, merangkumi kedua-dua bentuk *hiyal* iaitu *mashru'ah* dan *ghayr mashru'ah*. Antara definisi yang cenderung kepada konsep *hiyal mashru'ah* ialah definisi yang diberikan oleh Ibn Nujaym. Beliau menyatakan *hiyal* membawa maksud kebijaksanaan seseorang dalam mentadbir sesuatu perkara dengan menggunakan akal fikiran sehingga mencapai matlamat tertentu.⁷ Definisi yang seakan sama juga diberikan oleh Zakaria al-Ansari⁸ dan Al-Jurjani.⁹

Antara definisi yang cenderung kepada konsep *hiyal* yang tidak diharuskan (*ghayr mashru'ah*) ialah definisi yang diberikan oleh Ibn Qudāmah. Beliau menyatakan *hiyal* membawa erti melakukan perbuatan yang harus bagi tujuan mencapai perkara yang diharamkan. Ianya merupakan tipu daya bagi mengharuskan apa yang telah Allah haramkan, menggugurkan kewajipan, menghilangkan hak dan selainnya.¹⁰ Definisi yang cenderung kepada *hiyal ghayr mashru'ah* juga dapat dilihat melalui takrifan yang diberikan Ibn Taymiyyah¹¹ dan Al-Shātibi.¹²

Fuqaha yang memberikan definisi yang umum, merangkumi kedua-dua bentuk *hiyal* antaranya ialah Ibn Taymiyyah dalam tulisannya yang lain. Beliau menyatakan *hiyal* bermaksud laluan yang tersembunyi bagi mencapai sesuatu matlamat. Sekiranya matlamat yang dinyatakan baik, maka ianya helah yang baik. Manakala jika matlamatnya buruk, maka ianya helah yang buruk.¹³

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh fuqaha menunjukkan istilah *hiyal* dari sudut fiqh meliputi dua konotasi, iaitu *hiyal mashru'ah* dan *hiyal ghayr mashru'ah*. Rumusnya *hiyal* dapat

⁶ Asyraf Wajdi Dusuki, "Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy Over Tawarruq?" *International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)*, (2010), 1-28.

⁷ Ibn Nujaym, *Ashbah wa al-Naza'ir* (Beirut: Kutub al-'Ilmiyyah, 1419), 1:350.

⁸ Zakaria al-Ansari, *Al-Hudud al-Aniqah wa al-Ta'rifat al-Daqiqah* (Beirut: Dar al-fikr al-Mu'asir, 1411) 73.

⁹ Al-Jurjani, *Al-Ta'rifat*, (Beirut: Kutub al-'Ilmiyyah, 1403) 94.

¹⁰ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī* (Beirut: Maktabah al-Qaherah, 1388) 4:43.

¹¹ Ibn Taymiyyah, *Al-Fatawa al-Kubra* (Beirut: Dar al-kutub al-'Ilmiyyah, 1987) 6:17.

¹² Al-Shatibi, *Al-Muwafaqat* (Dar Ibn Affān, 1417H/1999 M), 5:187.

¹³ Ibn Taymiyyah, *Al-Fatawa al-Kubra* (Beirut: Dar al-kutub al-'Ilmiyyah, 1987) 6:106.

diterjemahkan kepada satu laluan yang tersembunyi, sama ada laluan yang diharuskan atau yang diharamkan bagi mencapai matlamat tertentu. Matlamat yang dimaksudkan boleh menjadi sesuatu yang diharuskan, mahupun yang diharamkan.

Perbahasan Fuqaha Mengenai *Hiyal*

Berdasarkan pentakrifan lepas, terdapat perbezaan pandangan berkenaan *hiyal*. Fuqaha tidak bersepatat kepada satu pandangan sama ada mengharuskan atau mengharamkannya. Penelitian yang dilakukan menunjukkan terdapat fuqaha yang mengharuskan, mengharamkan dan fuqaha yang tidak menyatakan secara khusus tentang status *hiyal*.

Pada asasnya, fuqaha bersepatat terhadap pengharaman *hiyal ghayr mashru'ah* atau *hiyal muharramah*. *Hiyal* ini merujuk kepada satu laluan yang tersembunyi, sama ada laluan yang diharuskan mahupun yang diharamkan, tetapi aplikasinya bermatlamatkan kepada perkara yang diharamkan. Dalam masa yang sama, aplikasinya memberi kesan kepada perkara yang tidak bertepatan dengan *maqasid al-Syari'ah* dan masalah masyarakat. Ibn Qayyim menyatakan aplikasi *hiyal muharramah* merosakkan agama Allah.

Antara contoh *hiyal ghayr mashru'ah* ialah perbuatan kaum Yahudi yang menggunakan tipu helah dalam aktiviti menangkap ikan. Ayat tersebut berbunyi :

وَأَسْأَلُهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ
يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ كَذَلِكَ نَبْلُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

(Al-A'raf: 163)

Maksudnya: Dan bertanyalah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang letaknya di tepi laut, semasa mereka melanggar larangan pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan-ikan (yang menjadi cubaan kepada) mereka, yang kelihatan timbul di muka air, sedang pada hari-hari lain, ikan-ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka (dengan cubaan itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasik.

Ayat di atas memaparkan celaan Allah terhadap kaum Yahudi yang menggunakan tipu daya bagi menghalalkan larangan ke atas tangkapan ikan pada hari Sabtu, iaitu dngan cara menahan pukut di lautan pada hari Jumaat dan mengangkatnya semula pada hari Ahad.¹⁴

Antara contoh lain ialah amalan orang Yahudi yang menggunakan tipu daya bagi menghalalkan larangan penggunaan lemak ke atas mereka. Nabi SAW bersabda:

¹⁴ Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Quran*, (Beirut: Dar al-Syuruq, 1412H/1992M) 9: 177.

لعن الله اليهود حرمت عليهم الشحوم فجملوهما ثم باعوهما وأكلوا أثمانها وإن الله عز وجل إذا
حرم أكل شيء حرم ثمنه

Maksudnya: Allah melaknat orang-orang Yahudi yang telah diharamkan ke atas mereka lemak (daripada lembu) tetapi mereka menukarkannya dan menjualnya.¹⁵

Menerusi hadis Nabi Muhammad SAW tersebut, baginda mencerca kaum Yahudi yang memanipulasi dan mengubah bentuk lemak haiwan yang dilarang bagi menghalalkan larangan terhadap penggunaan lemak haiwan. Ibn Qayyim mengisyaratkan bahawa tipu daya yang dilakukan oleh kaum Yahudi ini merupakan jenis *hiyal ghayr mashru'ah*. Hal ini berikutan perubahan nama dan bentuk lemak semata-mata tidak mampu mengubah hukum asal dan larangannya, selagi mana tidak ada perubahan dalam kandungan.¹⁶

Secara khususnya, fuqaha mazhab berbeza pandangan terhadap status *hiyal*. Antara fuqaha yang tidak bersama dalam mengharuskan *hiyal* adalah daripada fuqaha Maliki dan Hanbali. Mereka berpandangan kewujudan elemen helah dalam masyarakat mampu menjejaskan *maqasid al-Syari'ah* dan masalah. Hal ini disebabkan mereka mengutamakan dan mementingkan pendekatan *sad al-dhari'ah*. *Sad al-dhari'ah* merujuk kepada satu jalan yang mempunyai manfaat (*maslahah*), namun menyebabkan kepada keburukan (*mafsadah*) pada masa akan datang.¹⁷

Antara contohnya aplikasi kontrak *bay' al-'inah*. Kontrak ini merujuk kepada kontrak jual beli yang melibatkan dua pihak, iaitu jualan komoditi oleh penjual dengan bayaran tangguh, kemudian pembeli menjualnya semula kepada penjual dengan harga yang lebih rendah secara tunai. Fuqaha mazhab Maliki tidak mengharuskan kontrak ini berikutan aplikasinya adalah satu bentuk tipu helah bagi menghalalkan amalan riba. Justeru, aplikasi kontrak *bay' al-'inah* perlu ditegah (*dhara'i*) kerana memberi kesan kepada pelanggaran hukum Syarak.¹⁸

Namun begitu, pernyataan ini tidak bermaksud fuqaha Maliki dan Hanbali menolak *hiyal* secara keseluruhannya. Penelitian yang dilakukan mengilustrasikan terdapat penulisan fuqaha mazhab ini yang membincangkan berkenaan aplikasi *hiyal* yang diharuskan. Misalnya kitab *i'lam al-Muwaqi'in* karangan ibn Qayyim.¹⁹ Pengarang membahaskan berkenaan *hiyal mashru'ah* dan

¹⁵ Hadis riwayat Al-Bukhari, Kitab Ahadith al-'al-Anbiya', Bab Ma zakara 'an Banī Isra'il, no Hadis 3460. Lihat al-Bukhari, "*Sahih al-Bukhari*", ed Muhammad Zahir Bin Nasir (Lubnan: Dar Tuq al-Najah, 1422H), 4,170.

¹⁶ Ibn al-Qayyim, "*I'lam al-Muwaqi'in 'an Rabb al-'Alamin*", (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1993, Jilid 3) 188.

¹⁷ Ibn 'Ashur, "*Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*", (Qatar: Wizarat al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, 1425) 3: 335.

¹⁸ Muhammad Tahir, "Use of *Hiyal* in Islamic Finance and *Shariah* Legitimacy," *Journal of Islamic Business and Management* 1(1), (2011), 70-92.

¹⁹ Ibn Qayyim, *I'lam al-Muwaqi'in 'an Rab al-'alamin*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1411H/1991M).

hiyal ghayr mashru'ah dengan mengemukakan contoh-contoh yang berkaitan.²⁰ Justeru, penolakan elemen *hiyal* oleh fuqaha mazhab Maliki dan dan Hanbali adalah terhadap *hiyal* yang bercanggah dengan *maqasid al-Syariah* berasaskan pengamatan mereka secara mendalam.

Di samping itu, pendapat fuqaha Hanafi berkenaan elemen *hiyal* menunjukkan penerimaan yang positif. Karya-karya fuqaha Hanafi banyak membahaskan aplikasi elemen *hiyal* yang tidak mempunyai hukum, iaitu jurang antara *hiyal* yang diharuskan dan diharamkan.²¹ Ibn Nujaym berpandangan *hiyal* merujuk kepada kebijaksanaan seseorang mencari jalan bagi menyelesaikan sesuatu kesukaran. Justeru, pandangan ini berhubung istilah *hiyal* menjurumus kepada jalan tertentu bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.²²

Misalnya, fuqaha Hanafi terdahulu membenarkan aplikasi *bay' al-wafa'*. *Bay' al-wafa'* merupakan satu kontrak jual beli yang meletakkan syarat bahawa apabila penjual membayar semula harga barangan yang dijual, maka pembeli perlu mengembalikannya kepada penjual. Akad ini membenarkan pembeli memanfaatkan harta yang dibeli secara *bay' al-wafa'*. Majoriti fuqaha tidak membenarkan aplikasi *bay' al-wafa'* kerana jual beli bukanlah menjadi maksud utama akad yang dijalankan, bahkan ia merupakan satu bentuk helah menghalalkan riba yang ditegah.²³ Namun begitu, fuqaha *muta'akkhirun* mazhab Hanafi telah mengharuskan aplikasi akad ini bagi mencegah masyarakat pada masa itu terjebak kepada amalan riba. Dalam masa yang sama, amalan ini telah menjadi keperluan masyarakat dan *'urf* di kebanyakan tempat.

Sementara itu, fuqaha Hanafi turut membahaskan elemen *hiyal* dalam topik yang lebih khusus iaitu topik *makharij*. *Makharij* merujuk kepada jalan keluar daripada sesuatu kesulitan. Aplikasi *makharij* merupakan wasilah bagi memudahkan urusan manusia. Fuqaha mazhab ini lebih gemar menggunakan istilah *makharij* disebabkan ianya membawa konotasi yang lebih harmoni berbanding istilah *hiyal* yang boleh menjerumus kepada tafsiran positif dan negatif. Al-Syaibani, anak didik Imam Abu Hanifah telah menukikan sebuah kitab yang bertajuk "*Al-Makhārij fī Al-Hiyal*."²⁴ Kitab ini memperuntukkan lebih daripada 100 wasilah kepada situasi yang sulit.

Bagi mazhab Shafi'i pula, perbincangan yang diketengahkan mengenai *hiyal* memaparkan penerimaan yang positif. Fuqaha Syafi'i melihat akad muamalat bergantung kepada zahirnya sahaja. Jika rukun bagi setiap akad yang dilakukan itu jelas, maka aplikasinya diharuskan. Sebaliknya, niat pelaku kontrak itu diserahkan kepada Allah sepenuhnya. Umpamanya fuqaha

²⁰ Umar Muhammad, "Al-Hiyal wa al-Makharij al-Syari'ah," dicapai pada 10 Januari 2019, <https://islamsyria.com/portal/uploads/CMS/library/100120160724050531.pdf>.

²¹ Muhammad Tahir Mansoori, "Use of Hiyal in Islamic Finance its Shariah Legimitacy," *Journal of Islamic Business and Management* 1(1), (2011), 70-92.

²² Ibn Nujaym, *Asybah wa al-Naza'ir*, (Damsyik: Dar Fikr, 1983) 477.

²³ Suruhanjaya Sekuriti, "Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (Edisi Kedua)" (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2006) 28.

²⁴ Muhammad Ibn Hasan al-Syaibani, "Al-Makharij fi Al-Hiyal" (Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, 1999M, 1419 H).

mazhab ini membenarkan aplikasi *bay' al-'inah*, walaupun majoriti fuqaha tidak mengharuskannya disebabkan ia merupakan satu bentuk helah bagi menghalalkan riba.

Majoriti fuqaha mazhab telah membincangkan istilah *hiyal* secara komprehensif. Perbezaan pandangan yang berlaku hanyalah dari segi penggunaan istilahnya sahaja. Hal ini demikian kerana fuqaha mengharamkan *hiyal* mengkhususkan perbincangan mereka kepada *hiyal ghayr mashru'ah*. Manakala fuqaha yang mengharuskannya menumpukan perbincangan mereka kepada *hiyal mashru'ah* sebagai jalan keluar daripada perkara yang diharamkan kepada perkara yang dihalalkan. Begitu juga dengan keterbukaan fuqaha terhadap elemen *sad al-dhara'i* sebagai hujah yang menjadi asas hukum.²⁵

Justeru majoriti fuqaha bersepakat bahawa jika matlamat *hiyal* yang ditetapkan adalah menghalalkan apa yang telah diharamkan, maka ia tergolong dalam kategori *hiyal ghayr mashru'ah* yang perlu dihindari. Sedangkan jika *hiyal* yang diaplikasi bertujuan meninggalkan perkara yang haram dan mencapai perkara yang halal, maka ianya tergolong dalam kategori *hiyal mashru'ah*.

Aplikasi Produk Deposit Berasaskan Tawarruq di Perbankan Islam Malaysia

Tawarruq dari sudut literal bahasa arab berasal dari perkataan *al-waraq* yang membawa erti sejenis daun²⁶ dan wang dirham.²⁷ Dari sudut istilah, tawarruq merujuk kepada satu proses jual beli yang melibatkan tiga pihak, di mana pihak pertama membeli komoditi secara bayaran tangguh dengan harga murabahah (*mark-up sale*), dan menjual komoditi tersebut semula kepada pihak ketiga dengan bayaran tunai.²⁸ Proses ini dilakukan bagi mendapatkan kecairan tunai.

Berdasarkan aplikasi di institusi perbankan Islam, kontrak tawarruq diguna pakai secara meluas dalam produk perbankan Islam Malaysia. Penggunaannya dapat dilihat melalui jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Penawaran Deposit Berasaskan Kontrak Tawarruq di Institusi Perbankan Malaysia

	KATEGORI	BANK	PRODUK DEPOSIT	
			CA/SA	Term Deposit
1	PEMILIKAN PENUH	Bank Islam Malaysia Berhad	X (Qard)	✓
2		Bank Muamalat Malaysia	✓ (Qard & Tawarruq)	✓

²⁵ 'Abd al-Karim Zaydan, *Al-Waiiz fi Usul al-Fiqh* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2013) 196.

²⁶ Ibn faris, *Mu'jam al-luqah* (Amman: dar al-turath,1984), 3:922.

²⁷ Al-Shairazi, Majd al-Din Muhammad, *al-Qamus al-Munir* (Beirut: Dar al-Fikr, 1990) 4:1194.

²⁸ Accounting And Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, *Monetization (tawarruq)*, (Manama: AAOIFI, 2015) 758.

		Berhad		
3	PEMILIKAN SEPARA	Maybank Islamic	X (Qard)	✓
4		CIMB Islamic	X (Qard)	✓
5		Ambank Islamic	✓	✓
6		RHB Islamic	✓ (Qard & Tawarruq)	✓
7		Affin Islamic	X (Qard)	✓
8		Public Islamic Bank	X (Qard)	✓
9		MBSB Islamic	✓	✓
10		Hong Leong Islamic	✓	✓
11		Alliance Islamic	X (Qard)	✓
12		PEMILIKAN ANTARABANGSA	Al-Rajhi	X (Qard)
13	OCBC Al-Amin Bank Berhad		✓ (Qard & Tawarruq)	✓
14	HSBC Amanah Malaysia Berhad		X (Qard)	✓
15	Standard Chartered Saadiq		X (Qard)	✓
16	Kuwait Finance House		X (Qard)	✓
17	United Overseas Bank (UOB)		✓	✓

Sumber: Analisis Pengkaji

Melalui jadual 1, dapat disimpulkan bahawa kontrak *tawarruq* dalam produk deposit institusi perbankan Malaysia mendapat sambutan yang baik.²⁹ Namun demikian, berpunca daripada pengawalan risiko, platform komoditi, kehendak pelanggan yang berbeza dan strategi institusi perbankan yang berbeza, ianya memberi kesan kepada variasi penstrukturan produk,³⁰ seterusnya memberi impak kepada perbezaan dokumentasi produk, serta perbezaan dalam isu-isu produk yang timbul.³¹

Fuqaha membahagikan tawarruq kepada beberapa bentuk. Antaranya *tawarruq al-fiqhi*³², *tawarruq al-munazzam* atau *al-masrafi*³³ dan *tawarruq al-‘aksi*.³⁴ Konsep tawarruq yang

²⁹ Hussein Azeemi, "Analisa Eksistensi Gharar Terhadap Pelaksanaan Pembiayaan Peribadi Tawarruq," *GJAT* 4(1), (2014), 83-95.

³⁰ Mohd Izuwan, "Aplikasi Tawarruq dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).


³¹ *Ibid.*

³² Jenis tawarruq yang diharuskan oleh majoriti fuqaha. Ianya adalah jenis tawarruq yang tidak dirancang.

³³ Jenis tawarruq yang dibahaskan oleh fuqaha. Ianya jenis tawarruq yang diaplikasi di institusi perbankan.

digunakan dalam produk deposit ialah *tawarruq al-'aksi*. Aplikasinya dapat dilihat seperti berikut:

Rajah 1: Produk Deposit Berasaskan Kontrak Tawarruq



Sumber: Olahan dari Abdul Ghafar dan Nik Abdul Rahim³⁵

1. Pelanggan mendeposit wang ke dalam akaun sebanyak RM10,000. Kemudian pelanggan melantik pihak bank sebagai ejen untuk membeli komoditi daripada pembekal komoditi melalui platform transaksi komoditi yang ditetapkan oleh pihak bank.
2. Pihak bank mewakili pelanggan membeli komoditi daripada pembekal komoditi (transaksi 2.1) melalui platform yang ditetapkan berharga RM10,000 secara tunai.
3. Kemudian, setelah komoditi dimiliki oleh pelanggan, pelanggan sekali lagi mewakilkan pihak bank bagi menjual komoditi tersebut kepada pihak bank sendiri secara murabahah (RM 10,000 + RM 3000) dengan bayaran bertangguh.
4. Pihak bank menjual komoditi tersebut kepada pembeli komoditi melalui platform komoditi (transaksi 4.1) dengan bayaran tunai berharga RM10,000.
5. Pihak bank akan membayar harga belian komoditi (RM13,000) kepada pelanggan dengan cara mengkreditkan jumlah wang tersebut ke dalam akaun pelanggan apabila kontrak mencapai tarikh matang yang dipersetujui bersama.

Ringkasnya, apabila seseorang mendepositkan wang ke dalam bank dengan memilih kontrak tawarruq sebagai kontrak asas produk, pihak bank mewakili pihak pelanggan akan membeli komoditi daripada Broker A dan menyerahkannya kepada pelanggan. Kemudian, pelanggan akan menjualnya kepada pihak ketiga. Menerusi amalan institusi perbankan Malaysia, pelanggan

³⁴ Sama seperti *tawarruq al-munazzam*, tetapi ianya dilakukan secara berbalik, iaitu pihak perbankan sebagai peminjam, dan pihak pelanggan menjadi pembiaya.

³⁵ Abdul Ghafar et. al, "Tawarruq Time Deposit with Wakalah Principle" An Option That Triggers New Issues," *International journal of Islamic and Middle eastern Finance and Management* 9(3), (2016), 388-396.

bersetuju menjual komoditi tersebut kepada pihak bank dengan harga murabahah (*mark-up sale*) secara bertanggung. Kemudian pihak bank akan menjual komoditi tersebut kepada Broker B bagi memperolehi kecairan tunai. Pelanggan akan menerima tunai dan keuntungan daripada pihak bank apabila kontrak mencapai tarikh matang yang dipersetujui.³⁶

Elemen *Hiyal* dalam Produk Deposit berasaskan Tawarruq

Tawarruq merupakan satu kontrak hibrid yang melibatkan tiga pihak. Ia diaplikasi melalui jual beli *murabahah* bagi mendapat kecairan tunai. Kontrak tawarruq diaplikasi secara meluas melalui produk-produk perbankan Islam Malaysia. Hal ini berikutan kelebihan berbanding kontrak-kontrak lain. Jelasnya ia mampu memberikan jaminan terhadap modal pendeposit dan memberikan jaminan keuntungan tetap. Berbanding kontrak perkongsian seperti *musyarakah* dan *mudarabah*, ia tidak dibenarkan melakukan jaminan terhadap modal deposit dan keuntungan. Meskipun begitu, disebalik kelebihan yang dimiliki, timbul beberapa isu Syariah berkaitan *hiyal* menerusi operasi dan penstrukturannya di institusi perbankan Islam di Malaysia.

Umumnya, kontrak ini dianggap *hiyal* kerana komoditi yang ditawarkan oleh pihak bank tidak menepati kehendak utama pelanggan. Sebaliknya keuntungan hasil daripada jualan semula komoditi merupakan matlamat utama mereka. Komoditi tersebut hanyalah satu bentuk *hilah* kepada produk deposit yang berasaskan faedah. Khususnya, terdapat beberapa isu syariah berkaitan *hiyal* menerusi aplikasi produk deposit berasaskan tawarruq. Antaranya:

1. Isu Berkaitan Pengaturan Awal (*Pre Arrangement*)

Pengaturan awal merupakan satu aspek yang penting dalam setiap aktiviti manusia termasuklah bagi institusi perbankan Islam. Pengaturan awal yang diamalkan ini merupakan sebab kepada sebahagian fuqaha melarang kontrak tawarruq diaplikasi oleh institusi perbankan Islam. Mereka berpandangan perlakuan ini merupakan satu helah pengamal industri menghalalkan riba. Menerusi kontrak tawarruq dalam produk deposit, pihak bank melakukan aturan awal dari aspek penentuan pihak pembeli komoditi dan jumlah keuntungan sebelum transaksi dilakukan.

Dalam menghadapi cabaran dunia kewangan moden kini, proses pengaturan awal wajar diaplikasi bagi mengawal sebarang risiko kesalahan dan kerugian, malah menghasilkan pulangan keuntungan.³⁷ Kadar keuntungan yang tetap mampu menarik perhatian pelanggan-pelanggan, dan seterusnya meningkatkan kepercayaan mereka kepada institusi perbankan Islam. Justeru, pihak bank lebih gemar menggunakan kontrak tawarruq dalam produk deposit kerana ianya

³⁶ Asyraf Wajdi Dusuki, "Can Bursa Malaysia's Suq al-sila' (commodity Murabahah House) Resolver The Controversy Over Tawarruq?" (Kertas Kajian, ISRA, Kuala Lumpur 2010), 1-26.

³⁷ Zainor Nasrah dan Siti Khadijah, "Tawarruq as a Useful Instrument to Finance Retail the Halal Way," *Social and Behavioral Sciences* 121, (2014), 281 – 290.

mampu menjamin keuntungan yang tetap berbanding kontrak yang lain seperti *mudharabah* di mana jaminan keuntungan tidak dapat dilakukan.³⁸

Walaupun begitu, berpunca daripada matlamat kecairan wang dan keuntungan melebihi dari struktur kontrak, dakwaan *hilah* kepada riba secara terselindung berlaku. Ini berikutan sebilangan institusi perbankan yang tidak memberi pilihan kepada pelanggan untuk memiliki komoditi yang dibeli melalui wakil secara fizikal, sebaliknya perlu dijual semula kepada pihak seterusnya bagi kelangsungan kontrak dan menjamin keuntungan.³⁹ Tuntasnya, bentuk aturan awal yang dilakukan perlu diaplikasi dengan baik agar terhindar daripada dakwaan transaksi yang tidak patuh Syariah.

2. Isu Berkaitan *dual-agency*

Urusan jual beli komoditi pihak pelanggan dalam produk deposit berasaskan tawarruq dilakukan oleh ejen yang dilantik.⁴⁰ Menerusi amalan sistem perbankan Islam di Malaysia, pelanggan akan mewakilkan pihak bank sebagai ejen pada dua transaksi. Pertama semasa transaksi pembelian komoditi. Kedua pada transaksi penjualan semula komoditi yang telah dibeli kepada pihak bank.

Perlantikan ejen dalam transaksi ini mampu mengurangkan risiko kesilapan dalam transaksi yang dilakukan, namun begitu terdapat pihak yang mendakwa ianya menyebabkan pelanggan kehilangan peranan dalam transaksi tersebut.⁴¹

Tambahan lagi, semasa proses penjualan semula komoditi, pihak bank sekali lagi menjadi wakil bagi pihak pelanggan. Kebiasaannya, institusi perbankan menjual komoditi tersebut kepada pihaknya sendiri.⁴² Hal ini bertepatan dengan isu *bay' al-wakīl linafsihi*. Terdapat sebahagian fuqaha mengharuskan amalan ini. Sebaliknya terdapat sebahagian fuqaha tidak mengharuskan aplikasi amalan ini. Hal ini disebabkan secara *'urf*, seseorang yang menjadi wakil bagi kepentingan pihak pewakilnya, bukan untuk kepentingan dirinya.⁴³

Selain itu, amalan ini juga mampu menimbulkan isu konflik kepentingan (*conflict of interest*) oleh pihak yang menjadi wakil. Secara logiknya, sekiranya ejen melakukan segala transaksi yang

³⁸ Asyraff Wajdi Dusuki, "Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy Over Tawarruq?" *International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)*, (2010), 1-28.

³⁹ GIFR, "Syariah Analysis of Tawarruq Based Products", laman sesawang GIFR, dicapai pada 2 Oktober 2018, <http://www.gifr.net>.

⁴⁰ Nor Fadilah dan Nuzul Akhtar, "Kontrak Syariah Al-Tawarruq: Konsep dan Aplikasinya dalam Produk Perbankan Islam" (makalah, E-Proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014), KUIS, 26-27 May 2014) 329-240.

⁴¹ GIFR, "Syariah Analysis of Tawarruq Based Products", laman sesawang GIFR, dicapai pada 2 Oktober 2018, <http://www.gifr.net>.

⁴² Abdul Ghaar dan Abdul Rahim, "Tawarruq Time Deposit with Wakalah Principle: An Opinion That Triggers New Issues, *IRTI Working Paper Series*, (2014), 1-21.

⁴³ Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsū'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyyah* ed. ke 2. (Kuwait: Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait, 1983), 45:39.

diwakilkan kepadanya dan adanya manfaat yang boleh diperolehi oleh ejen tersebut, maka terdapat *conflict of interest* yang berpotensi berlaku. Walaupun amalan tersebut telah diketahui oleh pihak pewartu, ianya tidak diharuskan disebabkan tohmahan yang berpotensi timbul disebabkan amalan ini.⁴⁴

Justeru, walaupun amalan *wakalah* yang diaplikasi memudahkan transaksi dan mampu mengurangkan risiko kesalahan, pihak institusi perbankan perlu cakna dan melaksanakan aplikasi *wakalah* dengan cara yang telus dan jelas bagi menghindar tohmahan-tohmahan yang dilontarkan terhadap praktikal dan amalannya. .

3. Isu Berkaitan Komoditi

Ketiga, isu berkaitan komoditi yang menjadi aset pendasar kontrak tawarruq. Penubuhan Bursa Suq al-Sila' (BSAS) di Malaysia memberikan alternatif dan solusi yang baik kepada institusi perbankan selain daripada penggunaan *London Metal Exchange* (LME) sebagai platform komoditi tawarruq. Ia mampu menyelesaikan beberapa isu yang timbul berkenaan dengan penggunaan platform *London Metal Exchange* (LME), termasuklah isu berkaitan keadaan komoditi logam LME yang tidak praktikal, tidak diselenggara dengan baik, dan ditempatkan di dalam sebuah gudang luar negara selama beberapa tahun sebagai aset pendasar produk kewangan Islam.⁴⁵

Sebaliknya platform Bursa Suq al-Sila' (BSAS) yang menggunakan produk minyak sawit (CPO) lebih bersifat praktikal, lebih stabil, dan tidak mudah terdedah kepada susut nilai. Walau bagaimanapun, produk minyak sawit (CPO) yang ada berkemungkinan tidak dapat menampung keperluan institusi kewangan di Malaysia. Kesannya, pelbagai platform lain seperti Able ace dan Sedania, serta aset pendasar baru telah diperkenalkan. Umpamanya produk susu pekat, television's airtime dan telecommunication's airtime.

Bertitik tolak daripada itu, terdapat kenyataan berkaitan komoditi yang digunakan adalah tidak praktikal bagi kegunaan pihak pelanggan. Ini disebabkan komoditi tersebut dijual pada jumlah yang besar bagi kegunaan pihak pelanggan, dan tidak memungkinkan mereka memanfaatkannya.⁴⁶ Umpamanya produk minyak sawit, bahan kimia dan bahan galian dalam jumlah yang besar.⁴⁷

⁴⁴ Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsū'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyyah* ed. ke 2. (Kuwait: Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait, 1983), 45:39.

⁴⁵ Hussein `Azeemi Abdullah Thaidi, "Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi-I Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)" (tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2014), 109.

⁴⁶ Global Islamic Finance Report, "Sharia Analysis of Tawarruq Based Products," laman sesawang GIFR, dicapai 20 Julai 2018, <http://www.gifr.net>.

⁴⁷ Asyraff Wajdi Dusuki, "Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy Over Tawarruq?" *International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)*, (2010), 1-28.

Selain itu, sebilangan pihak mendakwa komoditi yang didagangkan dalam produk yang berasaskan kontrak ini hanya berlaku secara dokumentasi, menyebabkan tidak berlakunya pemilikan dan penghantaran.⁴⁸ Keadaan ini dapat dilihat melalui ilustrasi di bawah:⁴⁹

10.00 a.m, 1 Oktober 2018:

Pembeli 1 membeli 4 tan aluminium dengan bayaran tangguh pada harga RM2500 per tan. Penandaan label dilakukan penjaga gudang terhadap pemilikan konstruktif (tidak lihat komoditi, biasanya pembeli hanya memeperolehi sijil pemilikan) 4 tan aluminium pembeli 1. Penandaan label boleh dilakukan melalui dua cara. Pertama menggunakan pelekat kuning (*sticker note*) bagi mengenalpasti pemilikan pembeli 1. Kedua penandaan label melalui sistem elektronik.

10:30 a.m, 1 Oktober 2018:

Pembeli memiliki pemilikan konstruktif dan menjualnya kepada pembeli 2 pada harga kos dan keuntungan secara tangguh.

11.00 a.m, 1 Oktober 2018:

4 tan aluminium berpindah pemilikan dari pembeli 1 kepada pembeli 2 tanpa perlu pemindahan fizikal dilakukan.

Ilustrasi di atas menunjukkan pemindahan komoditi tanpa perlu pemindahan nyata. Pada sesetengah keadaan komoditi yang dijual beli tidak dilabel dengan baik,⁵⁰ memberi implikasi kepada pembelian dan penjualan komoditi yang sama kepada pihak yang berbeza.⁵¹ Keadaan ini menyebabkan konsep tawarruq yang diharuskan terjejas.⁵² Komoditi yang dinyatakan hanyalah satu bentuk helah bagi tujuan memastikan keberlangsungan kontrak dijaga. Hakikatnya, keadaan ini berlaku berpunca daripada niat pelanggan dan pihak institusi perbankan yang tidak berkeinginan kepada komoditi tersebut, sebaliknya bagi memastikan kontrak tersebut dapat disempurnakan mengikut kehendak syarak. Justeru, dalam transaksi belian dan jualan komoditi, pihak institusi perbankan perlu memberi perhatian terhadap komoditi yang menjadi aset pendasar kontrak tawarruq agar transaksi yang dilakukan tidak menimbulkan kritikan dan tohmahan.

⁴⁸ Nurul Setianingrum, "Komoditas Syariah (Kajian Perkembangan Produk Syariah), *Interest* 12(1), (2014), 111-122.

⁴⁹ Salman Khan, "Why Tawarruq Needs To Go," Laman sesawang *Islamic Finance News*, dicapai pada 9 November 2018, <http://www.islamicfinancenews.com>

⁵⁰ Asyraff Wajdi Dusuki, "Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy Over Tawarruq?" *International SyariahResearch Academy for Islamic Finance (ISRA)*, (2010), 1-28.

⁵¹ Azman Mohd Noor dan Nur Farhah Mahadi. "A review of commodity murabahah transaction as offered by Bursa Malaysia: a critical analysis from fiqh perspective," dicapai pada 2 November 2018, http://irep.iium.edu.my/16955/1/A-Review-Of-Commodity-Murabahah-Transaction-As-Offered-By-Bursa-Malaysia_.pdf. Lihat juga Asyraff Wajdi Dusuki, "Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy Over Tawarruq?" *International SyariahResearch Academy for Islamic Finance (ISRA)*, (2010), 1-28.

⁵² Global Islamic Finance Report, "Sharia Analysis of Tawarruq Based Products," laman sesawang GIFR, dicapai 20 Julai 2018, <http://www.gifr.net>.

4. Isu Berkenaan Pemegangan Deposit Sebelum Transaksi Tawarruq dilakukan

Isu keempat berkenaan pemegangan deposit sebelum transaksi tawarruq dilakukan. Kebiasaannya, jika terdapat halangan tertentu yang menyebabkan pihak bank tidak dapat melakukan transaksi tawarruq sejurus pelanggan menandatangani wang ke dalam akaun mereka,⁵³ pihak institusi perbankan akan menempatkan wang tersebut ke dalam pasaran wang bagi mendapatkan keuntungan jangka masa pendek.⁵⁴ Amalan ini menimbulkan isu Syariah *bay' wa salaf* yang dilarang oleh Rasulullah S.A.W dan majoriti fuqaha.

Bertitik tolak daripada itu, isu ini telah dibincangkan secara mendalam semasa Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang ke 11, pada 16 sehingga 17 Mei 2017, di Putrajaya. Terdapat beberapa 'illah yang menjadi punca amalan *bay' wa salaf* dilarang oleh Rasulullah S.A.W dan majoriti fuqaha.⁵⁵ Antaranya ialah:

- 1) Kewujudan elemen riba atau hilah kepada riba; terdapat manfaat kepada pemberi pinjaman.
- 2) Syarat yang bercanggah dengan objektif kontrak.
- 3) Terdapat elemen *gharar* dalam harga.
- 4) Kewujudan dua kontrak dalam satu transaksi.

Berpandukan resolusi MPS BNM semasa mesyuarat yang ke 176, pada 24 Mei 2017, tindakan pihak institusi perbankan menggunakan wang deposit pelanggan apabila kontrak tawarruq tidak dapat dilakukan sejurus pelanggan memasukkan wang deposit ke dalam akaun mereka diharuskan kerana amalan tersebut tidak memenuhi 'illah yang telah digariskan. Sehubungan itu, sekiranya pihak bank tidak dapat melakukan transaksi tawarruq sejurus pelanggan menandatangani wang ke dalam akaun, status wang tersebut menjadi *qard*, dan ianya dianggap *qard* yang tidak disengajakan.⁵⁶

Justeru berdasarkan resolusi MPS BNM, pihak institusi perbankan perlu melaksanakan transaksi tawarruq secara efisien. Hal ini bagi mencegah kritikan-kritikan yang timbul dan mencegah daripada tindakan *qard* yang disengajakan (*intended qard*) yang boleh menjerumus kepada isu *bay' wa salaf* yang dilarang.

⁵³ Mahadi Ahmad Riaz Ansary, "Fiqhi views on *bay' wa salaf* and *qard*-based Islamic banking deposit accounts in Malaysia," *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 9(1), (2017), 106-112.

⁵⁴ Munawwaruzzaman, Hisyam Hassan dan Nur fathin, "Bay' wa al-Salaf in Islamic Banking Current Practices," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 10(2), (2018), 206-224.

⁵⁵ Mahadi Ahmad dan Shamsiah Mohamad, "Bay' wa al-Salaf: Analisis Daripada Perspektif Fiqah" (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang ke 11, Putrajaya, 16-17 Mei 2017).

⁵⁶ Majlis Penasihat syariah Bank negara Malaysia, "The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (the SAC) 176th Meeting", laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai pada 25 Disember 2018, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_about&pg=en_sac_updates&ac=531.

Penutup

Status aplikasi kontrak tawarruq dalam institusi perbankan Islam masih menjadi perbincangan dan kritikan cendekiawan Syariah. Ia berpunca daripada aplikasinya yang seakan-akan kontrak pinjaman di institusi perbankan konvensional. Kesannya terdapat dakwaan yang mengatakan kontrak tawarruq merupakan satu bentuk helah menghalalkan riba. Di peringkat Malaysia, Majlis Penasihat Bank Negara Malaysia (MPS BNM) membenarkan kontrak ini diaplikasi di institusi perbankan Islam Malaysia. Pihak MPS BNM juga telah menyediakan satu panduan yang khusus agar aplikasi tawarruq dapat dijalankan dengan baik. Namun, kajian yang telah dilakukan memaparkan masih terdapat isu-isu Syariah berkaitan elemen *hiyal* berlaku melalui aplikasi kontrak dalam produk deposit perbankan Islam yang mampu menjejaskan identiti sistem kewangan Islam. Tuntasnya, di samping menjaga kebajikan institusi perbankan Islam Malaysia dan pelanggan, pemain-pemain industri perlu berusaha melaksanakan kontrak ini dengan sebaiknya dan menyelesaikan isu-isu yang timbul agar terhindar daripada kritikan terhadap aplikasi kontrak ini dalam institusi perbankan Islam, dan seterusnya tidak menjerumus kepada *hiyal ghayr mashru'ah*.

Rujukan

- 'Abd al-Karim Zaydan, *Al-Wajīz fī Usul al-Fiqh*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2013.
- Abdul Ghafar dan Abdul Rahim, "Tawarruq Time Deposit with Wakalah Principle: An Opinion That Triggers New Issues, *IRTI Working Paper Series*, (2014), 1-21.
- Abdulazeem Abozaid, "The Internal Challenges Facing Islamic Finance Industry," *ISRA International Journal of Islamic Finance*9(2), (2017), 190-195.
- Accounting And Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, *Monetization (tawarruq)*, Manama: AAOIFI, 2015.
- Ahmad A. Alkhamees, *A Critique of creative Sharia'ah Compliance in the Islamic Finance Industry*, Belgium: Martinus Nijhoff Publishers, 2017.
- Al-Bukhari, "*Sahih al-Bukhari*", ed Muhammad Zahir Bin Nasir, Lubnan: Dar Tuq al-Najah, 1422H.
- Al-Jurjāni, *Al-Ta'rifat*, Beirut: Kutub al-'Ilmiyyah, 1403.
- Al-Shairazi, Majd al-Din Muhammad , *al-Qamus al-Munir*, Beirut: Dar al-Fikr, 1990.
- Al-Shatibi, *Al-Muwafaqat*, Dar Ibn Affan, 1417H/1999 M.
- Asyraff Wajdi Dusuki, "Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy Over Tawarruq?" *International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)*, (2010), 1-28.
- Azman Mohd Noor dan Nur Farhah Mahadi. "A review of commodity murabahah transaction as offered by Bursa Malaysia: a critical analysis from fiqh perspective," dicapai pada 2 November 2018, http://irep.iium.edu.my/16955/1/A-Review-Of-Commodity-Murabahah-Transaction-As-Offered-By-Bursa-Malaysia_.pdf.
- Global Islamic Finance Report, "Sharia Analysis of Tawarruq Based Products," laman sesawang GIFR, dicapai 20 Julai 2018, <http://www.gifr.net>.

- Hussein 'Azeemi, "Analisa Eksistensi Gharar Terhadap Pelaksanaan Pembiayaan Peribadi Tawarruq," *GJAT* 4(1), (2014), 83-95.
- Hussein 'Azeemi, "Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi-I Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)", Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2014.
- Ibn 'Ashur, "*Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Qatar: Wizarat al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, 1425.
- Ibn al-Qayyim, "*I'lam al-Muwaqifi'in 'an Rabb al-'Alamin*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1993, Jilid 3.
- Ibn faris, *Mu'jam al-luqah*, Amman: dar al-turath,1984.
- Ibn Nujaym, *Ashbah wa al-Naza'ir*, Beirut: Kutub al-'Ilmiyyah, 1419.
- Ibn Qayyim, *I'lam al-Muwaqifi'in 'an Rab al-'alamīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1411H/1991M.
- Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, Beirut: Maktabah al-Qaherah, 1388.
- Ibn Taymiyyah, *Al-Fatawa al-Kubra*, Beirut: Dar al-kutub al-'Ilmiyyah, 1987.
- Mahadi Ahmad dan Shamsiah Mohamad, "Bay' wa al-Salaf: Analisis Daripada Perspektif Fiqah", Makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang ke 11, Putrajaya, 16-17 Mei 2017.
- Mahadi Ahmad Riaz Ansary, "*Fiqhi views on bay' wa salaf and qarḍ-based Islamic banking deposit accounts in Malaysia*," *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 9(1), (2017), 106-112.
- Majlis Penasihat syariah Bank negara Malaysia, "The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (the SAC) 176th Meeting", laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai pada 25 Disember 2018, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_about&pg=en_sac_updates&ac=531.
- Mohamed Fairouz et. al, "Hiyal Dan Makharij: Ke Arah Ketelusan di dalam Operasi Perbankan Islam", Makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Putrajaya, 10-11 November 2010.
- Mohamed Fairouz et. al, "Hiyal Dan Makharij: Ke Arah Ketelusan di dalam Operasi Perbankan Islam" Makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Putrajaya, 10-11 November 2010.
- Mohd Izuwan, "Aplikasi Tawarruq dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad" Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.
- Muhammad Ibn Hasan al-Syaibani, *Al-Makharij fi Al-Hiyal*, Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, 1999M, 1419 H.
- Muhammad Tahir Mansoori, "Use of Hiyal in Islamic Finance its Shariah Legimitacy," *Journal of Islamic Business and Management* 1(1), (2011), 70-92.
- Munawwaruzzaman, Hisyam Hassan dan Nur fathin, "Bay' wa al-Salaf in Islamic Banking Current Pranctices," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 10(2), (2018), 206-224.

- Nor Fadilah dan Nuzul Akhtar, "Kontrak Syariah Al-Tawarruq: Konsep dan Aplikasinya dalam Produk Perbankan Islam" (makalah, E-Proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014), KUIS, 26-27 May 2014) 329-240.
- Nur Yuhanis "Legality of Tawarruq in Islamic Finance," *Tazkia Islamic Finance and Business Review* 7(1), (2012) 81-108.
- Nurul Setianingrum, "Komoditas Syariah (Kajian Perkembangan Produk Syariah), *Interest* 12(1), (2014), 111-122.
- Salman Khan, "Why Tawarruq Needs To Go," laman sesawang *Islamic Finance News*, dicapai pada 9 November 2018, <http://www.islamicfinancenews.com>
- Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Quran*, Beirut: Dar al-Syuruq, 1412H/1992M.
- Suruhanjaya Sekuriti, "Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (Edisi Kedua)" (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2006).
- Umar Muhammad, "Al-Hiyal wa al-Makharij al-Syari'ah," dicapai pada 10 Januari 2019, <https://islamsyria.com/portal/uploads/CMS/library/100120160724050531.pdf>.
- Wizārat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyyah* ed. ke 2, Kuwait: Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait, 1983.
- Zainor Nasrah dan Siti Khadijah, "Tawarruq as a Useful Instrument to Finance Retail the Halal Way," *Social and Behavioral Sciences* 121, (2014), 281 – 290.
- Zakaria al-Ansari, *Al-Hudud al-Aniqah wa al-Ta'rifat al-Daqiqah*, Beirut: Dar al-fikr al-Mu'asir, 1411.